



06 JAN, 2025

## Hanis membara bangkit daripada kecederaan ACL

Sinar Harian, Malaysia



### Hanis membara bangkit daripada kecederaan ACL

**KEMENANGAN** Blue Warriors (PDRM) ke atas Malaysian University (UM) untuk merangkul Piala Sumbangsih di Bukit Jalil pada Sabtu menjadi momen indah buat pemain sensasi, Hanis Nadiah Onn.

Pemain berusia 29 tahun itu bangkit daripada kecederaan *Anterior Cruciate Ligament* (ACL) sejak 14 bulan lalu untuk meledak gol tunggal bagi membantu skuad bimbingan Megat Azrafiq Megat Termizi muncul juara saingan pembuka tirai Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

“Saya teruja untuk kembali selepas menjalani pemulihan. Malah lebih menggembirakan dapat menghasilkan gol dalam

perlawanan pertama saya (selepas pulih daripada kecederaan).

“Ia juga merupakan sasaran saya sebagai penyerang. Menjadi motivasi terbaik buat saya untuk mengharungi aksi akan datang,” katanya.

Hanis mengalami kecederaan tersebut ketika bersama skuad hoki wanita negara beraksi dalam saingan Trofi Juara-Juara Asia (ACT) Wanita 2023 di Ranchi, India pada November 2023.

“Kemenangan ini adalah hasil usaha berpasukan dan saya rasa kami bermain dengan baik menentang Malaysian University,” ujar Hanis.

FOTO: MHC



**Hanis (kanan) muncul wira selepas meledak gol tunggal untuk membantu Blue Warriors merangkul kejuaraan Piala Sumbangsih di Bukit Jalil pada Sabtu.**